



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2015/11/119 (HQ)

### TNB RAI PELAJAR-PELAJAR SABAH DAN SARAWAK

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** menerusi Yayasan Tenaga Nasional (YTN) meraikan seramai 50 orang pelajar tingkatan empat dan tiga guru pengiring dari daerah Tawau, Sabah dan Betong, Sarawak dalam sambutan majlis penutupan rasmi Program Mutiara Timur hari ini.

Program tanggungjawab sosial korporat (CSR) TNB ini berlangsung selama lima hari dari 23 hingga 27 November bertujuan memberi pendedahan dan mencetuskan aspirasi kepada mereka serta sebagai platform untuk pelajar-pelajar ini mengenali operasi harian TNB dan kampus Universiti Tenaga Nasional (UNITEN).

Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie berkata, TNB amat komited melaksanakan tanggungjawab sosialnya dalam pembangunan masyarakat dengan pelaksanaan program CSR dalam bidang kebajikan berteraskan pendidikan menerusi YTN.

"TNB percaya bahawa untuk melahirkan golongan pelajar yang berilmu, berkemahiran dan berkualiti proses pembelajaran tidak hanya tertumpu di dalam kelas sahaja, sebaliknya berlaku setiap masa dan di mana sahaja," ujar Leo Moggie yang juga Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YTN.

Menurut Leo Moggie lagi, TNB gembira kerana dapat turut sama berganding bahu bersama Kementerian Pendidikan Malaysia merealisasikan wawasan negara menyediakan pendidikan yang sempurna untuk manfaat rakyat.

"Kita juga akan terus menyokong usaha kerajaan memperkasakan bidang pendidikan negara dan intergrasi nasional di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak," tambah Leo Moggie.

Sepanjang program berlangsung, pelajar-pelajar berpeluang melawat UNITEN dan Stesen Janaelektrik Putrajaya bagi mengetahui sedikit sebanyak mengenai industri tenaga seperti bagaimana tenaga elektrik dijana, dihantar dan diagihk-agihkan kepada semua peringkat pengguna .



S.A. 2015/11/119 (HQ)

Turut hadir Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Sektor Operasi Pendidikan, Dato' Ahmad Tajudin Jab; Naib Presiden (Sumber Manusia) TNB, Dato' Muhammad Razif Abdul Rahman dan Pengarah YTN, Dato' Dr. Shaari Md Nor.

**Dikeluarkan di Bangi, Selangor pada 26 November 2015**

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Md Derus Bunchit (019-266 2296) /  
Fazreen Eksan (019-3160401)  
[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*